

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar keciciran di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tertiar semasa tempoh pandemik tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), statistik awal murid cicir di Malaysia pada peringkat rendah bagi tahun 2020 menunjukkan peningkatan, iaitu 0.13 peratus berbanding 0.12 peratus pada tahun 2019. Peratus murid cicir sekolah menengah turut menunjukkan peningkatan iaitu 1.26 peratus dalam tempoh pandemik COVID-19 tahun ini berbanding 1.14 peratus pada tahun 2019.

KPM akan terus melaksanakan pelbagai usaha dalam membendung risiko keciciran murid. Ini adalah bagi memastikan anak-anak generasi masa depan negara dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan di sekolah.

Sekian, terima kasih.